

IRANUN DAN BALANGINGI: ANTARA PERLANUNAN DAN PEROMPAKAN LAUT DALAM KONTEKS PERADABAN MARITIM

IRANUN AND BALANGINGI: BETWEEN PIRACY AND MARITIME RAIDING IN THE CONTEXT OF MARITIME CIVILIZATION

Mohammad Sham Bin Mohammad

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS,
88400 Kota Kinabalu, Sabah

Email: mohammadshammohammad@gmail.com

Josrin Masandal

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS,
88400 Kota Kinabalu, Sabah

*Corresponding Author: *mohammadshammohammad@gmail.com

Dihantar: 2 Oktober 2025/ Diterima: 20 Nobemberr 2025/ Terbit: 31 Disember 2025

Abstrak

Artikel ini membincangkan aktiviti maritim bersenjata yang dijalankan oleh komuniti Iranun dan Balangingi pada abad ke-18 dan ke-19 dengan meneliti sama ada mereka wajar digolongkan sebagai lanun (pirates) atau perompak laut (sea raiders) dalam konteks peradaban maritim Asia Tenggara. Aktiviti mereka sering digambarkan secara negatif dalam sumber kolonial, namun kajian ini berusaha menilai semula naratif tersebut dengan mempertimbangkan peranan mereka dalam struktur sosial, sistem kepemimpinan, dan ekonomi rampasan yang teratur. Penulisan ini mengemukakan hujah bahawa Iranun dan Balangingi membentuk satu bentuk peradaban alternatif yang berfungsi di luar kerangka negara-bangsa moden dan berasaskan kekuasaan laut. Objektif kajian ini adalah untuk menilai semula tanggapan kolonial terhadap aktiviti perlanunan serta mengenal pasti unsur peradaban dalam organisasi maritim mereka. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dan karya sekunder. Hasil awal menunjukkan bahawa aktiviti mereka merupakan strategi ekonomi dan politik yang sah dalam ekosistem maritim Nusantara. Kajian ini penting untuk memperluas wacana sejarah maritim dan membina semula pemahaman terhadap hubungan antara kuasa, identiti, dan peradaban di laut.

Kata Kunci: Iranun, Balangingi, perlanunan, peradaban maritim, sejarah maritim Asia Tenggara

Pengenalan

Perlanunan secara tradisional sering dilihat sebagai satu bentuk jenayah maritim yang mencetuskan kekacauan serta ancaman keselamatan di kawasan perairan. Dalam perspektif klasik, lanun digambarkan sebagai penjenayah yang mengganggu perdagangan dan melanggar undang-undang laut. Namun, kajian sejarah yang lebih mendalam mendedahkan bahawa konsep lanun ini tidak semudah gambaran hitam-putih tersebut khususnya dalam konteks Asia Tenggara yang kaya dengan kepelbagaian etnik dan sejarah maritim yang kompleks. Para sejarawan telah menekankan bahawa aktiviti perlanunan di rantau ini sering berkait rapat dengan sistem sosial dan politik tempatan yang mempunyai logik tersendiri bukan sekadar jenayah murni. Misalnya, sejumlah sumber kolonial Barat menggambarkan mereka sebagai ancaman utama kepada kestabilan perdagangan maritim dan keselamatan pesisir di Laut Sulawesi dan Laut Sulu. Penulis seperti James Warren (2002) membentangkan bukti bahawa kumpulan ini bukan hanya 'lanun biasa', tetapi pelaku utama dalam sistem kuasa maritim yang tersusun. Mereka menjalankan operasi lanun dengan strategi dan organisasi yang sistematik, sambil mengawal laluan perdagangan dan membina pengaruh politik melalui hubungan kerjasama dan perkahwinan dengan penguasa tempatan. Pendekatan ini menuntut pemahaman lebih luas mengenai peranan mereka dalam sejarah maritim Asia Tenggara.

Justeru, persoalan utama yang dibangkitkan dalam kajian perlanunan di rantau ini ialah sama ada Iranun dan Balangingi harus dilabelkan secara eksklusif sebagai lanun atau apakah mereka merupakan sebahagian daripada struktur kuasa dan diplomasi maritim yang lebih rumit. Sejarawan seperti James Warren (2002) menegaskan pentingnya meninjau semula naratif kolonial yang sering mengekalkan stereotaip negatif agar dapat memahami konteks sejarah yang sebenar. Dengan mengambil kira perspektif ini, kajian perlanunan di Asia Tenggara berupaya menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang interaksi politik, ekonomi, dan sosial di laut pada zaman lampau.

Metodologi kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan kaedah sejarah dengan meneliti sumber primer seperti laporan kolonial Sepanyol, catatan pelaut British dan serta sumber sekunder akademik yang membincangkan perlanunan di Asia Tenggara pada abad ke-18 dan ke-19. Data dianalisis secara tematik untuk mengenal pasti impak perlanunan terhadap ekonomi, politik, dan keselamatan maritim, sambil mengkritik bias kolonial dalam naratif sejarah. Fokus kajian terhad kepada kawasan Laut Sulu, Teluk Darvel, dan pesisir Mindanao-Sabah dalam tempoh tersebut, dengan mengambil kira kekangan akses sumber dan kurangnya dokumen tempatan sebagai batasan kajian.

Dapatan dan perbincangan

Latar Sejarah: Asal-Usul Iranun dan Balangingi

Asal usul masyarakat Iranun di Borneo Utara dapat ditelusuri melalui pelbagai faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi penghijrahan mereka. Sebahagian besar sarjana berpendapat bahawa masyarakat ini berasal dari bahagian selatan Filipina,

khususnya dari kawasan sekitar Sungai Pulangi di Pulau Mindanao (Adrian Lopian, 2009). Menurut Asmah Haji Omar dan Mamitya Saber, kelompok Iranun telah tersebar luas di seluruh Kepulauan Melayu dengan membawa variasi linguistik seperti *ranaw* (tasik), *uran-ulan* (hujan), dan *pari-palay* (padi) (Rosnah Ismail, 2004). Sebagai penjelajah dan pengembara laut, mereka dikenali di seluruh Kepulauan Melayu sebagai Illanun, istilah yang berasal daripada nama daerah Ranao atau Lanao yang bermaksud "tasik". Dalam konteks ini, suku Iranun–Meranao mendiami dua kawasan utama, iaitu Tasik Lanao yang dihuni oleh masyarakat "Meranao" atau "Ranao", serta kawasan Teluk Illana yang menjadi penempatan utama masyarakat Iranun. Edward M. Kuder menjelaskan bahawa istilah Illanun mula digunakan apabila sebahagian kelompok Marinaw berhijrah dari kawasan pedalaman Mindanao ke kawasan pesisir dan menetap di sekitar tasik tersebut.

Penghijrahan masyarakat Iranun ke Borneo Utara dipercayai dipacu oleh pelbagai faktor, khususnya faktor perdagangan dan kedudukan geografi wilayah ini yang strategik (Scott, 1980). Kawasan tersebut telah dieksplorasi dengan tujuan membina jaringan perdagangan baharu serta memperkukuh hubungan ekonomi antara kepulauan Melayu dan wilayah sekitarnya. Menurut G. N. Appell dalam kajiannya *The History of Illanun Settlement in Sabah: Slave, Trading, and Piracy* (1968), perpindahan masyarakat Iranun berlaku sebagai sebahagian daripada aktiviti perdagangan dan pelayaran suku Samal serta Maguindanao yang meluas merentasi Kepulauan Melayu hingga ke pantai barat laut Borneo. Selain faktor perdagangan, catatan pelayar Inggeris, William Dampier (1906), turut menyebut bahawa kira-kira sepuluh tahun sebelum lawatannya, satu letusan gunung berapi besar telah memaksa penduduk Iranun berpindah ke kawasan yang lebih selamat di pantai barat Borneo, khususnya di Tempasuk dan Tuaran. Dalam konteks yang lebih luas, Teluk Darvel juga memainkan peranan penting sebagai pusat persinggahan, lokasi rawatan dan tempat perlindungan bagi mereka yang melarikan diri daripada konflik di Selatan Filipina.

Setibanya di Borneo Utara, petempatan masyarakat Iranun berkembang di kawasan pesisir seperti Minanga A Tempasuk, Kuala Tempasuk, Tuaran, Tungku (Lahad Datu) dan Kudat. Antara kawasan tersebut, Tempasuk muncul sebagai pusat penempatan utama yang merangkumi beberapa kampung penting seperti Tamao, Merabau, Kota Bangan, Kota Peladok, Payas, Pantai Emas dan Liang. Seterusnya, sebahagian masyarakat Iranun juga menempatkan diri di sekitar Kampung Indrasan, Kampung Tigaman dan Kampung Marimbau Laut. Dari segi strategi maritim pula, Sungai Tungku dipilih sebagai laluan utama perahu dan kapal yang berlayar ke kawasan tersebut kerana ia merupakan sungai terbesar dan paling strategik di wilayah berkenaan. Di sepanjang sungai ini, dua kabugatan utama, iaitu Kabugatan Merican dan Kabugatan Pantailan, menguasai kawasan tersebut. Kabugatan Merican menetap di bahagian pesisir sungai dan mengawal urusan perdagangan tempatan, manakala Kabugatan Pantailan pula terkenal sebagai pihak yang menentang pengaruh luar, termasuk kuasa-kuasa Eropah (Mohammad, 2023).

Kedatangan masyarakat Iranun ke kawasan seperti Tempasuk, Kudat, Tuaran, dan Tungku telah memberikan impak yang signifikan terhadap perkembangan ekonomi setempat. Di Tungku, misalnya, masyarakat Iranun menjalin hubungan dagang secara sistem barter dengan suku Begak, di mana pertukaran hasil laut dan tanaman dijalankan secara berterusan. Hubungan perdagangan ini bukan sahaja memperkukuh jaringan ekonomi tempatan, malah turut mencerminkan jalinan kerjasama sosial yang

erat antara kedua-dua komuniti. Kesepaduan tersebut akhirnya mewujudkan suasana harmoni dan kestabilan di kawasan pesisir berkenaan.

Manakala Suku Balangingi berasal dari sebuah pulau kecil bernama Pulau Balangingi yang terletak di antara Pulau Jolo dan Pulau Basilan di selatan Kepulauan Filipina (Lapian; 2009; Warren, 2002). Mereka merupakan gabungan pelbagai suku dari sekitar Kepulauan Filipina yang datang dari tempat asal berbeza sebagai pelayar, tawanan, dan pelarian, lalu membentuk satu identiti etnik tersendiri yang dikenali sebagai masyarakat Balangingi. Dalam bahasa Makassar, istilah Balangingi membawa maksud seseorang yang bersikap kasar atau tidak sopan. Kehadiran masyarakat ini juga dapat dikesan di beberapa pulau berhampiran seperti Pulau Simosa, Pulau Bangaloo, dan Pulau Tungkil — kawasan yang pernah digelar sebagai "Pirate Nest" oleh pihak Sepanyol. Pulau Balangingi dan gugusan pulau sekitarnya seperti Sipak, Bukotingal, dan Sangap berfungsi sebagai kubu pertahanan serta pusat kegiatan pemburuan hamba, sekali gus melambangkan kekuasaan, kekuatan politik, pertahanan, dan kemakmuran masyarakat Balangingi. Pulau Tungkil pula terkenal sebagai pusat utama perlanunan yang sering dikaitkan dengan etnik ini pada era tersebut.

Masyarakat Balangingi terkenal sebagai pelayar dan pedagang laut yang cekap serta memiliki kemahiran tinggi dalam bidang navigasi dan kegiatan maritim. Menjelang tahun 1848, mereka aktif terlibat dalam kegiatan perlanunan dan pemburuan hamba di sekitar Laut Sulu dan Laut Celebes (J.F. Warren, 2011). Pada abad ke-19, masyarakat ini telah membentuk struktur sosial yang tersusun, terdiri daripada golongan bangsawan, rakyat bebas, dan hamba. Mereka memainkan peranan penting dalam menggerakkan ekonomi Kesultanan Sulu, khususnya dalam memperkukuh kuasa maritim dan mempertahankan pengaruh sultan di wilayah perairan. Oleh sebab tanah penempatan asal mereka kurang subur untuk pertanian, masyarakat Balangingi lebih bergantung kepada hasil laut, dan lama-kelamaan terlibat dalam aktiviti perlanunan sebagai sumber ekonomi dan kuasa. Hubungan timbal balik yang rapat wujud antara para Datu dan masyarakat Balangingi, terutamanya melalui bentuk penajaan oleh para Datu Tausug yang menyokong aktiviti perlanunan mereka. Pada separuh pertama abad ke-19, tokoh-tokoh seperti Datu Pacula di Sipak, Datu Molok, dan Maharajalela dari Balangingi menjadi antara pemimpin penting dalam jaringan perlanunan tersebut. Catatan pentadbiran Sepanyol oleh *Alcades Mayores* merekodkan bahawa kumpulan-kumpulan ini menjalankan pelayaran dan penyerangan ke pesisir-pesisir Filipina sebanyak dua kali setahun, biasanya pada bulan Mac dan Oktober.

Kegiatan Balangingi turut meluas hingga ke Borneo Utara, khususnya di kawasan Pantai Barat, Kota Marudu, Kudat, dan Teluk Darvel. Di wilayah ini, mereka dikenali dengan pelbagai nama tempatan seperti Bajau, Suluk, Samah, dan Binadan, manakala pihak Sepanyol menamakan mereka sebagai "Samales" kerana keterlibatan mereka dalam aktiviti pemburuan hamba di sekitar Luzon hingga Laut Celebes. Di kawasan Tungku, masyarakat Balangingi mula menetap di Kampung Bagingod (Tandu) di Felda Sahabat Kedua, Lahad Datu, sebelum berpindah ke Pindurunan dan kemudiannya ke Kampung Lappasan akibat wabak taun. Akhirnya, mereka berpindah ke Kampung Telisai yang disediakan oleh sebuah syarikat tempatan, menjadikan Telisai sebagai identiti baharu mereka.

Tokoh penting seperti Panglima Nalaja, yang dilantik sebagai Native Chief pertama di bawah pentadbiran British North Borneo Chartered Company (BNBCC) di Tungku, membuktikan peranan kepimpinan masyarakat ini dalam konteks pentadbiran kolonial. Masyarakat Balangingi juga membentuk armada bersama masyarakat Iranun dalam aktiviti perlanunan, pelayaran, dan perdagangan maritim. Walaupun telah berhijrah ke kawasan Sungai Tungku, hubungan erat antara kedua-dua kelompok ini kekal terjalin. Namun demikian, di bawah pentadbiran BNBCC, masyarakat Balangingi dianggap lebih mudah dipercayai dan patuh terhadap dasar kolonial berbanding masyarakat Iranun yang lebih bebas dan berdikari.

Naratif Kolonial: Lanun sebagai Musuh Peradaban

Kuasa-kuasa kolonial seperti Sepanyol, Perancis, British dan Belanda sering kali melabelkan kelompok Iranun dan Balangingi sebagai *pirates* atau lanun dalam laporan rasmi dan wacana kolonial mereka. Pelabelan ini tidak sekadar bersifat deskriptif terhadap aktiviti maritim masyarakat tersebut, sebaliknya merupakan strategi ideologi yang digunakan untuk menjustifikasi tindakan ketenteraan serta perluasan imperium Barat di rantau Nusantara. Misalnya, dalam laporan Gabenor Sepanyol Narciso Clavería y Zaldúa kepada Madrid pada tahun 1849, masyarakat Balangingi digambarkan sebagai "*ferocious and incorrigible pirates who ravage the Visayas and carry off Christian captives to Jold*" (Garcia, 1851). Ungkapan ini jelas menunjukkan bahawa istilah "lanun" dimanipulasi bagi menggambarkan musuh politik dan agama sebagai ancaman tidak berperikemanusiaan yang perlu "dijinakkan". Oleh itu, segala bentuk keganasan laut oleh masyarakat tempatan yang enggan tunduk kepada kuasa kolonial dianggap sebagai jenayah, dan bukannya sebahagian daripada struktur ekonomi serta kuasa serantau yang sah.

Naratif ini turut diperluas oleh British melalui pentadbiran mereka di Borneo Utara. Dalam catatan misi HMS *Iris* tahun 1846, pegawai British melaporkan bahawa kelompok Illanun dikategorikan sebagai lanun yang aktif dan berbahaya yang menjadi ancaman kepada keselamatan pelayaran dan perdagangan di perairan Borneo dan Laut Sulu (Keppel, 1847). Pandangan ini menjadi asas kepada pelaksanaan tindakan ketenteraan seperti pembakaran kampung, pemusnahan kapal, dan operasi penangkapan terhadap komuniti maritim. Hal ini boleh dilihat di Kawasan Sungai Tungku (Mohammad, 2023). Seterusnya, dengan kehadiran kuasa kolonial *British North Borneo Chartered Company* (BNBCC) turut mengabaikan hakikat bahawa masyarakat Iranun dan Balangingi sebenarnya memiliki sistem sosial yang tersusun, berfungsi dalam kerangka Kesultanan Sulu serta memainkan peranan penting dalam jaringan ekonomi serantau. Hal ini boleh dikesan pada tahun 1886 di kawasan Pulau Omdal di Semporna (Mohammad, 2025). Oleh yang demikian, penggunaan label "lanun" berfungsi sebagai senjata epistemologi untuk menutup realiti politik dan ekonomi tempatan sekaligus mengabsahkan undang-undang Barat yang asing daripada konteks budaya pribumi.

Selanjutnya, ketegangan ini mencerminkan pertembungan antara dua sistem nilai dan perundangan iaitu sistem adat maritim dan undang-undang antarabangsa kolonial. Secara tradisional, masyarakat Iranun dan Balangingi mengawal laluan laut sebagai sumber kekuasaan dan hasil, serta menjalankan serbuan laut sebagai mekanisme pampasan, perlindungan, dan diplomasi. Namun, bagi kuasa penjajah Eropah, tindakan ini dianggap menyalahi prinsip *freedom of navigation* yang menjadi asas kepada peluasan perdagangan kapitalis. Sehubungan itu, Gabenor-Jeneral

Sepanyol Narciso Clavería y Zaldúa melancarkan ekspedisi pada tahun 1848 ke pulau Balanguingui pusat kegiatan lanun dengan maksud menundukkan kubu lanun, memusnahkan pangkalan perlanunan serta membebaskan tawanan; operasi ini dilihat oleh kerajaan kolonial sebagai langkah untuk "mengamankan perdagangan dan memulihkan kedamaian di laut" di perairan Sulu dan sekitarnya. Justeru, istilah "lanun" dijadikan medium kolonial untuk menjustifikasi pencerobohan maritim dan menafikan kedaulatan sistem laut pribumi yang telah wujud berabad lamanya.

Lebih mendalam lagi, pelabelan "lanun" oleh Barat telah menutup hakikat bahawa masyarakat Iranun dan Balangingi bukanlah kumpulan anarki yang bertindak secara sembarangan. Sebaliknya, mereka merupakan sebahagian daripada sistem politik dan ekonomi yang tersusun. Sejarawan James Warren menjelaskan bahawa "*The Iranun and the Balangingi were not pirates in the western sense of the term, but maritime raiders and slave-traders within a local political economy shaped by demands of the Sultanates*" (Warren, 1981; 2002). Mereka memiliki struktur kepimpinan tersendiri, menjalankan perdagangan hamba, serta berperanan sebagai pelaksana dasar laut bagi kesultanan dominan seperti Sulu. Namun demikian, laporan kolonial sengaja menafikan kenyataan ini kerana ia bercanggah dengan naratif moral yang digunakan untuk membenarkan penjajahan. Akibatnya, setiap bentuk penentangan maritim dilihat sebagai ancaman jenayah, walhal tindakan tersebut lebih tepat difahami sebagai bentuk pertahanan dan pelaksanaan kedaulatan laut tempatan.

Akhirnya, kesan jangka panjang pelabelan ini amat besar terhadap pemahaman sejarah maritim Asia Tenggara. Masyarakat Iranun dan Balangingi terus diingati sebagai "lanun" dalam sejarah rasmi, tanpa pengiktirafan terhadap sumbangan mereka dalam pembentukan ekonomi dan geopolitik serantau. Identiti maritim mereka dikaburkan oleh naratif kolonial yang bersifat berat sebelah dan etnosentrik. Menurut Nicholas Tarling (2001) dan Anthony Reid (1988), penggunaan istilah "piracy" oleh kuasa Barat perlu diteliti semula kerana ia tidak mengambil kira konteks sosio-politik tempatan. Oleh itu, dengan menilai semula istilah itu bukan sahaja membetulkan persepsi sejarah, tetapi juga mengembalikan agensi kepada komuniti maritim yang sekian lama dipinggirkan. Secara keseluruhannya, istilah "lanun" bukan sekadar label semantik; ia merupakan alat ideologi yang mencerminkan ketakutan, keangkuhan, serta kehendak kolonial untuk menguasai lautan yang bebas dan tidak tunduk kepada sempadan negara-bangsa moden.

Struktur Sosial dan Strategi Maritim Lanun

Kegiatan perlanunan di Laut Sulu dan Laut Sulawesi tidak berlaku secara rawak atau anarkis, sebaliknya dijalankan oleh organisasi maritim yang tersusun dan strategi yang kompleks. Iranun dan Balangingi bukan sekadar pelaut yang bertindak atas motif peribadi tetapi merupakan entiti politik maritim yang terlibat dalam jaringan kekuasaan serantau.

Struktur Sosial

Sistem sosial masyarakat Iranun dan Balangingi memperlihatkan struktur yang hierarkis, cerminan organisasi maritim yang kompleks dan berfungsi dalam kerangka politik. Secara umum, masyarakat ini terbahagi kepada tiga lapisan sosial utama, iaitu golongan aristokrat (*datu*), rakyat bebas, dan hamba (*banyaga* atau *banyaga*). Golongan *datu* memainkan peranan sebagai pusat kuasa politik dan penaung kepada

pelaut serta pahlawan laut, berfungsi merancang ekspedisi maritim yang melibatkan penyerbuan, perdagangan, dan hubungan diplomatik (Warren, 1981; Majul, 1973). Dalam konteks ini, sistem sosial mereka menampilkan bentuk patron-klien yang kukuh, di mana hubungan antara *datu* dan pengikutnya didasarkan pada pertukaran perlindungan, sumber, dan kesetiaan.

Sebagai contoh konkrit, Rajah Muda mempunyai 1000 pengikut di Sungai Tungku. Manakala Sarif Usman mempunyai 5 000 pengikut. Begitu juga, masyarakat Iranun di pantai barat Borneo seperti di Tempasuk dan Tungku menubuhkan hubungan patron-klien dengan datu-datu tempatan, di mana panglima laut atau kapten armada menerima perlindungan dan bekalan daripada datu sebagai balasan kepada khidmat mereka dalam menegakkan pengaruh Kesultanan Sulu (Warren, 1981). Selain itu, dokumentasi British North Borneo Chartered Company mencatat bahawa Panglima Nalaja seorang pemimpin Balangingi berperanan sebagai "Native Chief" di Tungku menunjukkan bahawa datu dan panglima tempatan memiliki peranan penting dalam pentadbiran sosial, politik, dan ekonomi, selain daripada fungsi maritim semata-mata (Pryer, 1903). Kehidupan sosial ini juga melibatkan sistem pewarisan dan stratifikasi yang jelas golongan bangsawan mengekalkan kuasa melalui warisan dan jaringan perkahwinan, rakyat bebas berfungsi sebagai tenaga kerja maritim atau pedagang, manakala hamba (*banyaga*) menjadi tenaga sokongan dalam aktiviti ekonomi dan peperangan. Dengan bukti ini, jelas bahawa struktur sosial Iranun dan Balangingi bukan sahaja menyokong kegiatan perlanunan, tetapi juga mengekalkan kestabilan politik dan ekonomi dalam rangka sistem Kesultanan serantau.

Secara lebih terperinci, masyarakat Iranun berperanan sebagai pelaut dan pahlawan laut yang unggul, terkenal dengan kepakaran dalam pembinaan kapal, penggunaan senjata, dan strategi peperangan laut. Mereka sering menjadi *panglima* yang mengetuai armada besar seperti *lanong* atau *garay*, iaitu kapal perang bersayap dengan barisan dayung dan meriam. Kapal ini menonjolkan kecekapan teknologi maritim tempatan yang setanding dengan kekuatan tentera laut kolonial (Tarling, 1963). Sebaliknya, masyarakat Balangingi memainkan peranan pelengkap sebagai penyedia tenaga buruh dan pelaksana kegiatan perdagangan hamba dalam rangka ekonomi Kesultanan Sulu dan Brunei. Kegiatan ini bukan semata-mata berasaskan keuntungan, tetapi merupakan mekanisme ekonomi yang membekalkan sumber tenaga manusia kepada sistem politik dan sosial kesultanan (Warren, 2002).

Dari perspektif strategi maritim, Iranun dan Balangingi tidak beroperasi secara rawak seperti yang sering digambarkan dalam naratif kolonial. Sebaliknya, mereka melaksanakan strategi ketenteraan dan ekonomi yang tersusun dan terancang berdasarkan pengetahuan mendalam tentang arus laut, arah angin, musim pelayaran, dan topografi pesisir. Menurut Forest (1779), pelayaran utama biasanya berlaku antara bulan Mac hingga Oktober, sejajar dengan arah monsun yang memudahkan pergerakan armada dan mempercepatkan perjalanan antara kepulauan. Pengetahuan ini membolehkan mereka merancang masa yang optimum untuk serangan, mengurangkan risiko karam, dan memaksimumkan keberkesanan operasi. Warren (1981, 2007) mencatatkan bahawa armada Iranun biasanya terdiri daripada 40 hingga 100 buah perahu, lengkap dengan persenjataan dan logistik, diketuai oleh seorang datu atau panglima yang ternama. Kapal-kapal ini dibahagikan mengikut fungsi: *lanong* sebagai kapal induk bersenjata berat, *garay* dan perahu ringan lain untuk serangan hendap, pengintipan, dan pengangkutan hamba atau rampasan. Kawasan strategik seperti Selat Makassar, Laut Jawa, Teluk Darvel, dan pesisir barat Borneo sering

dijadikan lokasi serangan, menunjukkan kemampuan mereka mengenal pasti chokepoints dan laluan perdagangan utama. Strategi ini melibatkan pemantauan berterusan (*intelligence gathering*) terhadap kapal dagang, penggunaan teknik gerakan pantas (*hit-and-run tactics*), serta kawalan ruang laut yang efisien elemen yang menyerupai operasi ketenteraan laut moden. Bukti tambahan menunjukkan bahawa Iranun dan Balangingi turut memanfaatkan struktur geografi dan hidrografi tempatan untuk meningkatkan keberkesanan operasi. Sungai-sungai seperti Sungai Tungku di Borneo Utara bukan sahaja berfungsi sebagai laluan logistik dan laluan keluar-masuk armada, tetapi juga sebagai titik pengawasan strategik untuk mengawal perairan pesisir. Lokasi-lokasi yang dikuasai oleh kabugatan seperti Merican dan Pantailan membolehkan armada menunggu di kawasan yang dilindungi sambil memantau kapal musuh atau pedagang asing.

Tambahan pula, operasi maritim mereka disokong oleh jaringan politik dan diplomatik. Hubungan patron-klien antara panglima, datu, dan Kesultanan Sulu memastikan armada mendapat perlindungan, bekalan, dan hak berlabuh. Antaranya ialah Syarif Sahib telah mengarah Balangingi merompak kapal pedagang Belanda dan British yang berlayar di sekitar perairan Borneo Utara ke Banjarmasin. Tindakan sama turut dilakukan oleh Syarif Usman yang menyuruh bertindak melakukan perampasan dan menculik hamba terutama kapal-kapal Eropah yang berlayar di sekitar Borneo Utara. Pada tahun 1877, Datu Kurunding, Maharaja Alam dan Imam Jonjowi turut menyarankan aktiviti ekspedisi mendapatkan hamba (Mohammad, 2023). Ini menunjukkan bahawa strategi maritim Iranun dan Balangingi bukan semata-mata aktiviti perlanungan tetapi sebahagian daripada sistem politik dan ekonomi yang teratur. Dengan kata lain, strategi maritim mereka adalah gabungan kecekapan taktikal, penguasaan ruang laut, pemahaman meteorologi, teknologi kapal, dan jaringan politik yang kompleks. Aktiviti yang dilabel sebagai "lanun" oleh kuasa kolonial sebenarnya mencerminkan bentuk kuasa maritim tradisional yang tersusun, autonomi, dan berasaskan logik geopolitik Nusantara. Bagi untuk mendapatkan hamba, menurut Ibanes Y Garcia bahawasanya orang Iranun dan Balangingi telah menggunakan Teknik Sambar Helang (Sapari, 2017). Teknik ini digunakan dengan kaedah penyamaran sebagai pedagang ataupun nelayan bagi menyukarkan mangsa identifikasi mereka. Malah mereka akan menyerang di kawasan perairan kerajaan yang berhampiran di pinggir pantai dan sungai. Selain itu, keilmuan Iranun dan Balangingi dalam perihal kelautan sehingga dapat memikirkan apa jua serangan yang akan digunakan bagi merampas kapal dagang di kawasan pantai timur Borneo Utara.

Dari segi teknologi maritim, masyarakat Iranun dan Balangingi menggunakan pelbagai jenis kapal dan perahu yang menunjukkan kecekapan teknikal, adaptasi geografi, dan strategi operasi mereka. Antara kapal yang paling terkenal dalam armada masyarakat Iranun dan Balangingi ialah kora-kora, salisipan, lanong, garay, kakap, dan penjajab. Daripada jenis-jenis ini, lanong merupakan tulang belakang armada mereka. Kapal lanong mampu membawa sehingga 150 orang, dilengkapi dengan meriam lela, pemicang layar, dan deretan dayung, yang membolehkan mobiliti tinggi dalam perairan cetek serta kawasan pesisir (Mohammad, 2023). Lanong digunakan terutamanya untuk serangan hendap berskala besar, pengangkutan hamba, serta operasi peperangan laut yang memerlukan armada besar dan persenjataan berat.

Sementara itu, kapal garay lebih kecil dan ringan, sesuai untuk pengintipan, serangan pantas, dan penghantaran logistik di sungai sempit atau teluk terpencil (Pryer, 1903). Terdapat juga perahu vinta yang digunakan untuk pergerakan individu

atau kumpulan kecil, dan bangka/banca, perahu dayung tradisional yang memudahkan pelayaran jarak pendek, penangkapan ikan, atau pengangkutan barang antara pulau. Penggunaan pelbagai jenis kapal ini menunjukkan bahawa armada Iranun dan Balangingi bukan sahaja fleksibel tetapi juga disesuaikan dengan jenis operasi, kedalaman air, dan keadaan perairan tropika. Menurut Warren (1981, 2007), armada ini sering beroperasi dalam konvoi terancang, di mana lanong memimpin dan garay serta vinta bertindak sebagai unit pengiring atau serangan pantas. Strategi ini membolehkan mereka menguasai laluan perdagangan, menyerang kapal musuh, atau menangkap penduduk kampung untuk dijadikan hamba, sambil memaksimumkan keselamatan dan keberkesanan operasi. Selain fungsi taktikal, teknologi kapal ini juga menjadi simbol keunggulan budaya maritim, yang mencerminkan kreativiti, inovasi teknikal, dan kefahaman mendalam tentang laut tropika. Ini membuktikan bahawa aktiviti perlanunan dan armada Iranun-Balangingi bukan sekadar jenayah, tetapi merupakan manifestasi kuasa maritim, inovasi teknikal, dan strategi geopolitik yang tersusun (Tarling, 2001; Warren, 1981).

Secara keseluruhannya, sistem sosial dan strategi maritim Iranun dan Balangingi menolak gambaran stereotaip yang dibentuk oleh kuasa kolonial. Aktiviti yang dilabel sebagai "perlanunan" sebenarnya memperlihatkan operasi yang tersusun, berhierarki, dan berpaksikan logik politik serta ekonomi Nusantara. Seperti yang diujahkan oleh Warren (1981), kegiatan mereka harus difahami sebagai "a maritime extension of indigenous political economy, not a deviation from law and order". Oleh itu, pelabelan "lanun" oleh kuasa kolonial seperti Sepanyol, British, dan Belanda tidak mencerminkan hakikat sosial sebenar, sebaliknya berfungsi sebagai instrumen ideologi untuk menjustifikasi penaklukan dan penghapusan kedaulatan maritim tempatan.

Kesan Perlanunan terhadap Ekonomi, Politik, dan Keselamatan Maritim

Kesan Ekonomi

Perlanunan yang dilakukan oleh Iranun dan Balangingi pada abad ke-18 dan ke-19 memberi kesan yang signifikan terhadap landskap ekonomi, politik, dan keselamatan maritim di Asia Tenggara. Kegiatan ini bukan sekadar dianggap sebagai gangguan oleh kuasa kolonial, tetapi juga mencabar dominasi kuasa-kuasa imperialis serta mencorak semula hubungan kuasa antara pelaku maritim serantau.

Dari sudut ekonomi, aktiviti perlanunan oleh masyarakat Iranun dan Balangingi dilihat oleh kuasa kolonial sebagai ancaman langsung terhadap perdagangan bebas dan konsesi yang dimonopoli oleh syarikat-syarikat seperti Syarikat Hindia Timur British (EIC) dan Syarikat Hindia Timur Belanda (VOC). Serangan terhadap kapal dagang, pelabuhan, dan kampung pesisir meningkatkan kos pengangkutan dan insurans maritim, memaksa pedagang Eropah mengubah laluan perdagangan bagi mengelak kawasan serangan (Tarling, 1965). Misalnya, laporan pelayar Eropah abad ke-18 mencatat bahawa konvoi dagang dari Batavia ke Manila kerap tertunda atau berpindah laluan akibat aktiviti serangan Iranun di Selat Makassar dan pesisir barat Borneo (Warren, 1981). Aktiviti ini turut menjejaskan aliran barangan utama seperti rempah, beras, garam, dan tekstil dari pusat pengeluaran di Kepulauan Melayu dan Filipina ke pasaran antarabangsa, sekali gus mengurangkan keuntungan kapitalis Eropah.

Selain itu, penglibatan Iranun dan Balangingi dalam perdagangan hamba dan rampasan maritim membuktikan bahawa mereka bukan sekadar penjenayah laut tanpa

sistem, tetapi sebahagian daripada rangkaian ekonomi maritim yang tersusun. Sebagai contoh, pelayaran tahunan mereka pada bulan Mac dan Oktober secara sistematik dirancang mengikut musim monsun, laluan arus, dan pelabuhan strategik untuk memastikan keberkesanan ekspedisi (Forest, 1779; Warren, 1981). Ini menegaskan bahawa aktiviti perlanunan mempunyai fungsi strategik, institusi, dan ekonomi, berbeza daripada tafsiran Barat yang melihatnya sebagai anarki laut. Dengan cara ini, masyarakat Iranun dan Balangingi berjaya memanfaatkan sumber maritim untuk kelangsungan politik, ekonomi, dan ketenteraan, serta mengekalkan autonomi dalam menghadapi tekanan kuasa kolonial Eropah (Warren, 1981; Tarling, 1965).

Kesan Politik

Dari perspektif politik, kegiatan perlanunan oleh masyarakat Iranun dan Balangingi merupakan instrumen strategik yang digunakan untuk menegaskan kekuasaan, memperluas jaringan pengaruh, dan mempertahankan autonomi daripada campur tangan kuasa asing. Aktiviti ini bukan sekadar serangan rawak ke atas kapal atau kampung pesisir, tetapi berfungsi sebagai alat politik maritim yang membolehkan kumpulan ini mengawal laluan penting, memaksa pihak lawan tunduk kepada pengaruh mereka, dan mengekalkan dominasi dalam rantau (Forest, 1776). Sebagai contoh, armada Iranun dan Balangingi bertindak seperti angkatan tentera laut bebas, memantau laluan strategik termasuk Selat Makassar, Laut Jawa, serta pesisir barat Borneo, khususnya di kawasan Marudu, Tungku, dan Teluk Darvel, untuk mengawal laluan perdagangan dan memastikan kepentingan Kesultanan Sulu dan Brunei terpelihara (Warren, 1981).

Kekuatan politik masyarakat ini terbukti apabila kuasa-kuasa kolonial terpaksa melancarkan kempen ketenteraan berskala besar untuk menundukkan mereka. Antara tahun 1848 hingga 1851, Sepanyol melaksanakan siri serangan terhadap pangkalan Balangingi di Kepulauan Samal dan Banguingui, termasuk pemusnahan kubu-kubu strategik mereka. Namun, kejayaan tersebut hanya bersifat sementara kerana mobiliti tinggi dan kepakaran maritim Balangingi membolehkan mereka membina semula pangkalan baharu serta menyusun semula strategi dengan cepat. Laporan misi pengintipan Sepanyol mencatatkan bahawa Balangingi mampu memindahkan kapal dan hamba rampasan dari satu pulau ke pulau lain dalam masa singkat, mengekalkan kapasiti operasional walaupun di bawah tekanan ketenteraan asing.

Di Borneo Utara, kesan strategi ini jelas kelihatan di kawasan pesisir seperti Marudu, Tungku, dan Teluk Darvel, di mana masyarakat Iranun dan Balangingi menubuhkan penempatan semi-autonomi yang berfungsi sebagai pusat pengawasan maritim, lokasi pengubatan, dan pelabuhan persinggahan bagi ekspedisi mereka. Misalnya, Sungai Tungku menjadi laluan utama perahu dan armada kecil yang memudahkan pergerakan antara Teluk Darvel dan pedalaman, sementara Marudu berfungsi sebagai titik pengumpulan logistik dan perhubungan politik antara datu tempatan dan pemimpin Kesultanan Sulu (Warren, 1981; Appell, 1969). Keupayaan untuk mengekalkan pangkalan strategik di lokasi-lokasi ini menunjukkan bahawa perlanunan bukan sekadar aktiviti jenayah, tetapi manifestasi kuasa politik yang tersusun, yang membolehkan mereka mengekalkan pengaruh terhadap kedaulatan maritim tempatan walaupun berhadapan dengan kuasa kolonial.

Tambahan pula, perlanunan berperanan sebagai alat diplomasi dan penentu keseimbangan kuasa di rantau ini. Melalui jaringan kekeluargaan dan perkahwinan

antara datu Iranun, Balangingi serta pemimpin Kesultanan Sulu dan Brunei, kumpulan ini memperoleh legitimasi politik dan perlindungan diplomatik, sekaligus memastikan akses berterusan kepada pelabuhan, bekalan logistik, dan laluan perdagangan utama (Majul, 1973; Warren, 1981; Tarling, 2001). Dengan demikian, kegiatan perlanunan bukan sahaja mengekalkan kedaulatan maritim, tetapi juga menangguhkan proses pemusatan kuasa kolonial, menunjukkan bahawa aktiviti yang dilabel sebagai "lanun" oleh Barat sebenarnya adalah manifestasi kuasa politik tempatan yang terancang dan berfungsi dalam sistem ekonomi serta sosial yang sah.

Kesan Keselamatan Maritim

Kesan jangka panjang kegiatan perlanunan oleh masyarakat Iranun dan Balangingi adalah peningkatan usaha militarisasi perairan serantau oleh kuasa kolonial Eropah. Kawasan seperti Laut Sulu, Laut Sulawesi, dan Teluk Darvel menjadi lokasi operasi ketenteraan yang berterusan, mencerminkan pergeseran daripada strategi perdagangan semata-mata kepada strategi ketenteraan yang sistematik oleh Sepanyol dan British. Kawasan yang sebelum ini dikawal secara efektif oleh komuniti tempatan kini dilabel sebagai "zon tidak selamat" dan memerlukan campur tangan serta pengawasan daripada kuasa luar.

Sebagai langkah balas terhadap ancaman ini, kuasa kolonial menubuhkan balai pengawal, menempatkan kapal perang, dan memeterai perjanjian keselamatan maritim untuk mengukuhkan kawalan mereka ke atas laluan perdagangan dan pelabuhan strategik (Tarling, 1965). Contohnya, British North Borneo Chartered Company (BNBCC) mendirikan pos pengawasan di Tungku dan Teluk Darvel, manakala Sepanyol memperkukuhkan kehadiran ketenteraan di pulau-pulau berhampiran Laut Sulu bagi mengekang aktiviti Balangingi (Warren, 1981). Strategi ini bukan sahaja bertujuan "memerangi lanun", tetapi juga berfungsi sebagai mekanisme pengawalan geopolitik untuk menundukkan autonomi maritim tempatan dan memastikan keselamatan laluan perdagangan Eropah yang kritikal.

Secara tidak langsung, langkah-langkah ini meminggirkan struktur keselamatan tradisional masyarakat tempatan, seperti sistem pampasan antara kampung, kerjasama antara datu, dan undang-undang adat laut. Mekanisme autonomi ini yang sebelum ini berkesan dalam mengawal konflik dan mengekalkan kestabilan kini digantikan oleh sistem keselamatan berpusat yang dikawal kuasa kolonial. Oleh itu, perlanunan berperanan sebagai pemangkin transformasi keselamatan maritim, daripada model autonomi tempatan yang berasaskan hierarki adat dan kawalan komuniti kepada model imperialis yang berpusat dan berorientasikan kepentingan perdagangan dan politik kuasa Eropah (Tarling, 1965; Warren, 1981).

Dengan kata lain, tindakan Iranun dan Balangingi bukan sahaja mempengaruhi ekonomi dan politik serantau, tetapi juga mencetuskan restrukturisasi sistem keselamatan maritim secara menyeluruh, di mana kuasa kolonial mengambil alih fungsi yang sebelum ini diurus oleh masyarakat maritim tempatan. Ini menunjukkan bahawa persepsi "lanun" oleh Eropah bukan sahaja sebagai ancaman jenayah, tetapi juga sebagai justifikasi ideologi untuk memperluas pengaruh ketenteraan dan politik mereka di rantau Nusantara.

Perdebatan Istilah: Lanun atau Pejuang Maritim

Dalam sejarah maritim Asia Tenggara, istilah 'lanun' telah lama digunakan untuk menggambarkan kelompok seperti Iranun dan Balangingi. Namun, istilah ini merupakan produk naratif kolonial yang memposisikan semua bentuk keganasan laut di luar kawalan imperium sebagai jenayah mutlak, tanpa mengambil kira konteks politik, ekonomi, dan sosial tempatan. Penggunaan label 'lanun' dalam dokumen rasmi Sepanyol, British, dan Belanda membawa konotasi moral yang berat sebelah, menyamakan masyarakat maritim ini dengan penjenayah tidak bernegara, sekaligus membenarkan campur tangan ketenteraan dan pemaksaan sistem asing. Dalam erti kata lain, istilah ini bukan semata-mata deskriptif tetapi merupakan alat ideologi yang mengukuhkan kedudukan kuasa Barat dan menggambarkan mereka sebagai satu-satunya agen yang mampu membawa keamanan dan undang-undang ke perairan yang "tidak beraturan." Dari perspektif ini, istilah 'lanun' perlu dikaji semula dalam wacana akademik pascakolonial, dan diganti dengan istilah yang lebih kontekstual seperti sea raiders atau maritime warriors, yang menekankan fungsi politik dan ekonomi kumpulan ini.

James Francis Warren (1981) menegaskan bahawa Iranun dan Balangingi bukan lanun dalam erti kata Barat, tetapi pelaku ekonomi dan politik yang beroperasi dalam jaringan perdagangan hamba, aktiviti perompakan sistematik, dan sebagai ejen Kesultanan Sulu. Mereka memiliki struktur tentera upahan yang tersusun, kemahiran navigasi maju, dan menjalankan operasi berdasarkan mandat politik atau persekutuan dengan kuasa serantau. Aktiviti mereka lebih wajar difahami sebagai raiding economy, di mana serangan laut dijalankan secara teratur untuk memenuhi tuntutan kuasa politik dan ekonomi serantau, bukannya rompakan rambang. Ini menimbulkan kesedaran bahawa naratif kolonial yang melabelkan mereka sebagai 'lanun' sengaja mengabaikan rasional politik, sosial, dan ekonomi tempatan demi memartabatkan tindakan penjajah. Anthony Reid (1988) menambah bahawa aktiviti perompakan laut adalah sebahagian daripada sistem sosial dan ekonomi yang sah dalam konteks tempatan. Sebelum penjajahan, garis sempadan perairan, undang-undang pelayaran antarabangsa, dan konsep kedaulatan negara moden belum wujud; oleh itu, Iranun dan Balangingi menjalankan perdagangan paksa dan serangan terhadap kapal asing sebagai strategi pengumpulan sumber, pengukuhan kuasa politik, dan cara mempertahankan kedaulatan maritim. Dalam konteks ini, kegiatan mereka bukan hanya bersifat ekonomi, tetapi juga instrumen pertahanan strategik dan pengukuhan struktur sosial tempatan, sesuatu yang sering diabaikan oleh naratif Barat.

Dimensi pertahanan dan ideologi juga menjadi faktor penting. Dalam konflik antara Sepanyol dan Kesultanan Sulu pada abad ke-19, Balangingi bertindak sebagai barisan hadapan mempertahankan wilayah kesultanan daripada imperialis. Catatan misionaris Sepanyol menyatakan bahawa mereka melakukan 'jihad laut' untuk melindungi agama dan tanah air daripada pencerobohan Kristian, walaupun naratif kolonial menyamakan ini sebagai jenayah. Patricio Abinales menegaskan bahawa kelompok seperti Iranun dan Tausug melihat diri mereka sebagai mujahidin laut, bukan lanun, yang membela masyarakat Islam daripada dominasi kuasa asing. Perspektif ini menekankan bahawa label 'lanun' mengabaikan dimensi keagamaan dan patriotisme tempatan yang menjadi motivasi sebenar di sebalik serangan laut.

Kritikan lanjut terhadap penggunaan istilah 'pirate' dikemukakan oleh Nicholas Tarling dan R. D. Hill, yang berpendapat bahawa istilah ini berfungsi untuk

membenarkan ekspedisi ketenteraan Barat. Hill menyatakan bahawa label lanun sering diberikan kepada sesiapa yang mengganggu perdagangan kolonial, walaupun mereka bertindak mempertahankan hak pelayaran tradisional atau menjalankan bentuk perdagangan sah dalam konteks tempatan. Oleh itu, penilaian terhadap komuniti maritim seperti Iranun dan Balangingi memerlukan pendekatan hermeneutik kritikal, yang menilai dokumen kolonial dengan kesedaran terhadap kepentingan kuasa dan memahami sistem nilai, politik, dan ekonomi yang membentuk tindakan mereka.

Kesimpulannya, istilah 'lanun' tidak memadai untuk menerangkan kerumitan peranan komuniti maritim Asia Tenggara. Istilah seperti *sea raiders* atau *maritime warriors* lebih sesuai kerana ia mengiktiraf kedudukan mereka sebagai aktor aktif dalam jaringan politik, ekonomi, dan pertahanan serantau. Penulisan sejarah pascakolonial dan kontekstual tidak sekadar membetulkan persepsi sejarah, tetapi juga mengembalikan agensi kepada masyarakat yang selama ini terpinggir dalam naratif kolonial simplistik dan berat sebelah. Dengan kata lain, memahami Iranun dan Balangingi sebagai pejuang maritim membolehkan pembentukan pemikiran sejarah yang lebih kritis, menekankan kuasa tempatan dan kepelbagaian strategi maritim Nusantara sebelum campur tangan Barat.

Kesimpulan

Kesimpulannya, perdebatan mengenai istilah 'lanun' dalam konteks masyarakat Iranun dan Balangingi membuka ruang penting untuk menilai semula wacana sejarah maritim yang selama ini dibentuk oleh naratif kolonial. Pelabelan 'lanun' yang digunakan oleh Sepanyol, British, dan Belanda bukan sekadar deskriptif, tetapi berfungsi sebagai instrumen ideologi untuk mengabsahkan dominasi geopolitik mereka, sambil mengabaikan kompleksiti struktur sosial, politik, dan ekonomi masyarakat tempatan. Seperti yang diujahkan oleh Warren (1981), kegiatan perlanunan yang dikaitkan dengan Iranun dan Balangingi berakar dalam sistem ekonomi dan politik kesultanan yang sah, di mana aktiviti serangan laut dan perdagangan hamba menjadi sebahagian daripada strategi mempertahankan kuasa maritim serta autonomi politik. Justeru, naratif yang menggambarkan mereka sebagai 'penjahat laut' perlu ditolak atau sekurang-kurangnya ditafsir semula melalui lensa yang lebih kontekstual dan adil.

Dengan mengaplikasikan pendekatan sejarah pasca-kolonial dan hermeneutik kritis, istilah seperti *sea raiders* atau *maritime warriors* lebih tepat untuk menggambarkan kedudukan Iranun dan Balangingi dalam lanskap kuasa serantau. Isu ini bukan sekadar persoalan semantik, tetapi mencerminkan keperluan menegaskan keadilan epistemologi dalam kajian sejarah—iaitu memahami peranan aktor maritim mengikut sistem nilai, logik ekonomi, dan politik tempatan, bukannya berdasarkan definisi Barat yang bersifat universalis dan hegemonik. Pendekatan ini juga menegaskan bahawa sejarah tidak wajar dimonopoli oleh naratif kuasa yang paling dominan, sebaliknya mesti merangkumi pelbagai sudut pandang yang mencerminkan kerencaman pengalaman, strategi, dan identiti masyarakat maritim Nusantara, seterusnya membolehkan pembacaan yang lebih kritis, inklusif, dan beretika terhadap sejarah maritim serantau.

Rujukan

Bernáldez, E. (1857). *Reseña histórica de la guerra al sur de Filipinas sostenida por las armas españolas contra los piratas de aquel archipiélago: desde la conquista hasta nuestros días*. Madrid: Imprenta del Memorial de Ingenieros.

Forrest, J. (1779). *A voyage to New Guinea and the Moluccas*. London: G. Scott.

García de Arboleya, J. (1851). *Historia del Archipiélago y Sultanía de Joló, y noticia de la expedición española que á las órdenes del marqués de la Solana acaba de destruir a los piratas joloanos*. Habana: Tera de M. Soler y Gelada.

Lapian, A. (2009). *Orang laut, bajak laut, raja laut: Sejarah kawasan, Laut Sulawesi abad XIX*. Jakarta: Komunitas Bamboo.

Majul, C. A. (1973). *Muslims in the Philippines*. Quezon City: University of the Philippines Press.

Reid, A. (1988). *Southeast Asia in the age of commerce, 1450–1680: Volume two: Expansion and crisis*. New Haven: Yale University Press.

Rosnah Ismail. (2004). *Hubungan kesulitan ekonomi dengan kefungsian keluarga, hubungan perkahwinan dan tingkah laku keibubapaan etnik Rungus, Iranun dan Melayu*. Universiti Malaysia Sabah: Syarikat Bumi Yakin.

Scott, J. F. (1980). *Boat building and seamanship in classic Philippine society* (Anthropological Papers No. 9). Manila: National Museum.

Tarling, N. (1963). *Piracy and politics in the Malay world: A study of British imperialism in nineteenth century South-East Asia*. Melbourne: F. W. Cheshire.

Tarling, N. (2001). *Imperialism in Southeast Asia: "A fleeting, passing phase"*. London: Routledge.

Warren, J. F. (1981). *The Sulu Zone: The dynamics of external trade, slavery and ethnicity in the transformation of a Southeast Asian maritime state*. Singapore: Singapore University Press.

Warren, J. F. (2002). *Iranun and Balangingi: Globalization, maritime raiding and the birth of ethnicity*. Singapore: NUS Press.

Warren, J. F. (2007). *The global economy and the Sulu Zone: Connections, commodities, and culture*. Quezon City: Ateneo de Manila University Press.

Warren, J. F. (2011). The Balangingi Samal: Pirate wars, dislocation and diasporic identities. *Australian Association for Maritime History*, 33(2).